

# Kepimpinan Wanita UMNO

Oleh DR. RAMLAH ADAM

**S**EJAK Pergerakan Wanita UMNO ditubuhkan 53 lalu, sejarah telah meyakinkan tujuh kepimpinan silih berganti mengetuai pergerakan itu. Ada ketua yang memimpin untuk masa yang pendek dan ada pula untuk tempoh masa yang panjang. Ada masa perlantikan itu berlaku dengan licin tanpa perebutan dan ada pula yang berlaku penuh dengan manipulasi dan permusuhan. Ini tidak dapat dielakkan kerana umur Pergerakan Wanita UMNO yang begitu panjang memang akan melahirkan manusia yang berbagai-bagai ragam dan pelbagai cita-cita yang pula mengundang mereka menggunakan berbagai-bagai strategi. Ini memang sebuah dinamika kehidupan sejagat manusia.

Dimulakan dengan Datin Putih Mariah pada tahun 1947 sebagai Pegawai Jabatan Kaum Ibu UMNO dan menjadi ketuanya pada tahun 1949, sistem perlantikan Ketua Wanita UMNO sentiasa berubah. Ia berlaku sesuai dengan kematangan dan pemodenan pergerakan itu dan UMNO itu sendiri. Pada peringkat awal, sistem perlantikan Ketua Pergerakan Kaum Ibu UMNO dilakukan dengan terbuka dan amat mudah. Pada tahun 1947, Dato' Onn, Presiden UMNO yang pertama telah mencadangkan calon Setiausaha Jabatan Kaum Ibu itu secara terbuka dan Mesyuarat Agung Pergerakan Kaum Ibu menerimanya sebulat suara. Ini kerana pada peringkat itu, kematangan politik kaum wanita UMNO masih lagi rendah dan rasa hormat kepada kebijaksanaan pemimpin menjadi pegangan mereka.

Pada masa itu terdapat ramai wanita yang berpelajaran dan berkebolehan seperti Halimaton Majid dan Saleha Mohd. Ali; tetapi mereka dengan rela hati menyokong Datin Putih Mariah, isteri kepada Dato' Zainal Abidin Abbas, ahli Majlis Kerja UMNO dan seorang pegawai MCS. Datin Putih Mariah yang berpelajaran menengah rendah, sesuai dengan jawatan itu kerana beliau mempunyai banyak masa untuk menguruskan surat-menyurat dan ceramah, beliau menggalakkan kesedaran politik di kalangan wanita Melayu. Dengan pengalaman yang diraih selama dua tahun sebagai pegawai jabatan itu, beliau kemudian sebulat suara dilantik sebagai Ketua Pergerakan Kaum Ibu UMNO apabila ia ditubuhkan pada sekitar tahun 1949. Cara persetujuan ini telah dibuat secara terbuka iaitu mengangkat tangan. Jawatan ini tidak menjadi rebutan kerana kaum wanita pada masa itu pada umumnya sangat malu untuk menonjolkan diri menjadi pemimpin; mereka lebih rela bekerja keras untuk kemajuan parti dan menentang British dan membuang Malayan Union.

Selepas 1950, seperti juga parti induknya UMNO, Pergerakan Kaum Ibu UMNO telah mempunyai perlembagaan dan peraturan sendiri, maka cara perlantikan Ketua Pergerakan ini dibuat dengan lebih sistematik dan mengikut prosedur. Telah ditetapkan bahawa pencalonan dibuat oleh Bahagian UMNO dan dihantar kepada

pusat untuk disenaraikan. Pemilihan ini akan dibuat sama seperti badan induknya. Kesemua peraturan ini dimasukkan dalam Undang-undang Tubuh UMNO 1949.

Ibu Zain atau namanya Zainon Sulaiman dari Johor telah dipilih sebagai Ketua Pergerakan Kaum Ibu UMNO pada akhir 1950 dalam mesyuarat agung pergerakan itu. Pemilihan ini tidak membabitkan sebarang perebutan; Ibu Zain dipilih sebulat suara, walaupun ramai tokoh wanita dari seluruh Semenanjung menjadi anggota UMNO. Ketokohan Ibu Zain sebagai seorang pendidik, nazir sekolah, penggiat bahasa, sastera dan dan kebudayaan Melayu, cukup menjadi tiket Pergerakan Kaum Ibu UMNO memberi mandat sepenuhnya kepada beliau. Dato Onn' yang mengusulkan nama tersebut tidak dimusuhi oleh Datin Putih Mariah, yang waktu itu memegang Ketua Bahagian UMNO Kuala Lumpur.

Keberkesanan Ibu Zain membangkitkan sokongan wanita Melayu kepada UMNO memang tidak dapat dinafikan. Beliau yang terkenal dengan kegigihannya menubuhkan Persekutuan Guru-guru Wanita Johor yang berjaya menerbitkan *Bulan Melayu*, satu-satunya majalah yang dikendalikan oleh kaum wanita pada tahun 1930, telah menghidupkan pengaruh UMNO di seluruh Semenanjung, walaupun, beliau berdepan dengan serangan Parti Komunis Malaya dan pernah tertembak kerana diserang dalam perjalanan keretapi menuju ke utara/pantai timur. Beliau cukup setia kepada UMNO, walaupun 'patronnya' Dato' Onn meninggalkan UMNO pada tahun 1951.

Kelicinan perlantikan Ketua Pergerakan Kaum Ibu UMNO ternyata tidak berterusan. Di antara bulan September 1953 dan Oktober 1954, cadangan Ibu Zain (beliau keluar negeri kerana Jambori Pengakap di Ceylon) untuk mencalonkan seorang permaisuri negeri menggantikan tempatnya telah ditolak kerana tidak ada perundingan awal. Untuk mengatasi keadaan ini, Tengku Abdul Rahman, sebagai Presiden UMNO, dengan persetujuan Majlis Kerja UMNO, telah melantik Khadijah Sidek bekas seorang aktivis politik Indonesia, sebagai Pegawai Penerangan Perempuan

UMNO bagi menjalankan tugas pentadbiran pergerakan tersebut. Dengan kedudukan itu beliau di anggap sebagai Ketua Pergerakan Perempuan UMNO. Sewaktu Ibu Zain menghadiri Kongres Bahasa di Indonesia, Khadijah Sidek telah dipilih sebagai Ketua Pergerakan Perempuan UMNO. (*Buku Cenderamata Jubli Perak Wanita UMNO Malaysia* pada 25hb Ogos 1974. Pergerakan Wanita UMNO Malaysia, Kuala Lumpur 1974). Nama ini diubah untuk memeperluaskan pengaruh Wanita UMNO dan menandakan kepimpinan baru. Terlihat sedikit manipulasi dalam perlantikan itu.

**U**NTUK menenangkan keadaan, satu perubahan struktur pentadbiran dibuat dalam pergerakan tersebut. Jawatan Naib Ketua bagi daerah

Beliau dikatakan menyalahgunakan wang parti dan tenaga beberapa ahli muda parti, walaupun diakui dalam masa yang sama pengaruh Pergerakan Kaum Perempuan UMNO begitu ketara di seluruh Semenanjung kerana kegigihannya. Tetapi disebabkan Ibu Zain tersilap sedikit "ibu dipecat"; katanya dalam sebuah temuramah.

Personaliti Khadijah Sidek yang begitu dinamik, memberi tempas bukan sahaja kepada Pergerakan Wanita UMNO tetapi juga ahli Perikatan, Pemuda UMNO yang beraliran radikal. Beberapa cawangan Pemuda UMNO yang bersimpati telah memprotes hal ini di dalam akhbar dan mulai meragui kepimpinan parti.

Riak penentangan ini tidak menghairankan kerana mereka juga adalah elemen-elemen radikal Parti Kebangsaan Melayu Malaya, API dan lain-lain ge-



Wanita UMNO sewaktu kempen pilihan raya kecil Pengkalan Pasir

diwujudkan. Ibu Zain dilantik sebagai Naib Ketua Bahagian Pergerakan Kaum Ibu UMNO Malaya Bahagian Selatan; manakala Dasimah Dasir bagi Bahagian Utara dan Siti Rahmah Kassim bagi Bahagian Tengah.

Bagaimanapun Ibu Zain dan Halimaton Majid yang dicalonkan bagi pemilihan Ketua pada tahun 1955 telah menolak pencalonan tersebut. Khadijah Sidek kekal sebagai ketua.

Konflik dalaman ini tidak tamat di situ sahaja. Ia kembali bergolak dalam tahun 1956 apabila terdapat protes terbuka daripada Pergerakan Wanita UMNO Johor Bahru terhadap kepimpinan Khadijah Sidek.

rakan kiri yang menyerap masuk ke dalam UMNO, setelah Undang-Undang Darurat diperkenalkan pada tahun 1948.

Khadijah Sidek memang mempunyai hubungan dengan politik kumpulan ini di antara tahun 1947-1948 sewaktu Khadijah mencari sokongan senjata dan kewangan bagi gerakan Puteri Ksatria di Pariaman Indonesia.

Perkahwinannya dengan Dr. Hamzah pemimpin Kesatuan Lembaga Melayu Johor, yang menentang UMNO telah menyebabkan beliau menetap di Johor sebelum menganggotai cawangan Pergerakan Wanita UMNO pimpinan Ibu Zain. Kepimpinan Khadijah dalam Pergerakan Wanita UMNO adalah simbol

penguasaan golongan radikal dalam UMNO, kerana itu pemecatan itu dibantah dengan sekeras-kerasnya dan ada yang keluar daripada UMNO kerana pemecatan itu.

Selepas 1956, kepimpinan Pergerakan Wanita UMNO seolah-olah serik sekali dengan peristiwa itu. Kali ini pergerakan itu dengan setianya telah mengekalkan Fatimah Hashim sebagai ketua pergerakan itu selama enam tahun; iaitu satu rekod kepimpinan yang panjang.

Ia hampir sama lamanya dengan kepimpinan Tengku Abdul Rahman, Presiden UMNO yang kedua.

Fatimah Hashim yang dilantik oleh Tengku Abdul Rahman sebagai Pemangku Ketua Pergerakan Wanita, pada pertengahan tahun 1956, telah sahkan sebulat suara menjadi ketuanya pada awal 1957 dalam Mesyuarat Agung UMNO. Walaupun pendidikan beliau tidak seberapa, namun kegigihannya membina semula pergerakan itu dengan cara yang sederhana dan tidak berkonflik dengan pemimpin atasan dan pemimpin wanita negeri, membolehkan kepimpinan beliau bertahan begitu lama, iaitu sehingga 1972.

Kepimpinan Fatimah Hashim juga disokong dengan beberapa kejayaan Pergerakan Wanita UMNO, terutama dalam memperbaiki taraf dan kebijakan wanita Melayu dan Malaysia. Soal tuntutan gaji yang sama bagi pekerjaan yang sama di antara lelaki dan wanita telah dituntut bersama dengan sokongan daripada wanita badan-badan kerajaan. Pada tahun 1964 beberapa sektor telah berjaya mendapat gaji yang sama.

Soal penceraian dan tanggungan ana-anak yang ditinggalkan juga menjadi perhatian pergerakan di bawah Fatimah Hashim; hal ini akhirnya dapat diperbaiki dengan pengenalan sebuah jawatankuasa khas untuk menggubal Undang-undang Kahwin dan Cerai di kalangan wanita Islam pada tahun 1972. Ini diteruskan oleh pemimpin selepasnya.

Keberkesanan kepimpinan Fatimah Hashim juga adalah kerana kedudukannya sebagai Menteri Kebajikan Malaysia yang dipegangnya pada tahun 1969. Ini adalah kejayaan besar pergerakan itu, yang telah menggunakan pendekatan yang amat sederhana selepas

krisis kepimpinannya.

Kedudukan ini menguatkan kepimpinannya dalam Pergerakan Wanita UMNO, terutama dalam "Gerakan 11 Mei" (Gerakan menambahkan sokongan wanita muda dan profesional kepada UMNO) dijalankan. Golongan muda berasa yakin dengan UMNO yang memberi peluang kepada golongan terpelajar untuk memimpin UMNO. Salah seorang daripada mereka kemudian menjadi pemimpin UMNO ialah Rafidah Aziz.

Peralihan kepimpinan Pergerakan Wanita UMNO kepada Aishah Ghani pada tahun 1972, berlaku dengan licin dan tertib. Tidak ada konflik, walaupun terdapat lobi-melobi di kalangan ahli dan mereka yang berminat. Bagaimanapun, Fatimah Hashim tidak menjadikannya sebagai isu peribadi apabila tidak terpilih.

Aishah Ghani menerajui pergerakan itu dengan sokongan muka-muka baru seperti Rafidah Aziz.

Pengalaman Aishah Ghani yang begitu luas dalam politik (melalui penglibatannya dalam Parti Kebangsaan Melayu Malaya pada tahun 1946-1947), bidang kewartawanan (Kumpulan Akhbar Straits Times), perwakilan persidangan antarabangsa (Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Russia, Afro-Asia, Berlin, Saigon) dan sebagai Senator selama dua penggal (1962-1972), menjadikan beliau satu-satunya pemimpin pergerakan yang amat berkebolehan. Malah dengan diploma daripada kolej kewartawanan di England dan Universiti California, kepimpinan Pergerakan Wanita UMNO telah menjadi lebih meyakinkan dan moden. Maka lebih banyak pencapaian dan kejayaan dapat dibuat dalam kepimpinannya yang berakhir pada 1984.

**P**ERALIHAN kepimpinan daripada Aishah Ghani kepada Rafidah Aziz tidak memperlihatkan sebarang krisis; malah penggantian itu telah diura-urakan dan diterima dengan baik oleh ahli-ahli pergerakan. Walaupun ada sedikit pertandingan, tetapi tokoh-tokoh lain yang telah lama bekerja dan berkecimpung dalam Pergerakan Wanita UMNO, menerima Rafidah Aziz.

Kepimpinan Rafidah sebagai

## ...hari ini, kepimpinan Wanita UMNO menjadi begitu kukuh dan progresif melambangkan kemampuan Wanita UMNO yang berkebolehan

Ketua Pergerakan Wanita Ke-5, menandakan satu perubahan besar dalam pengiktirafan kebolehan wanita dalam pentadbiran dan pembuatan dasar negara. Dengan pendidikan dan pengalaman profesional yang baik, Rafidah diberi kepercayaan sebagai Senator, Setiausaha Politik, Timbalan Menteri Kewangan dan akhirnya Menteri Perdagangan Antarabangsa Malaysia. Kebolehan wanita menjalankan tugas-tugas yang berat ini nampaknya tidak diragui.

Kepimpinan Wanita UMNO memperlihatkan kematangan yang tinggi. Walaupun ada pertandingan tetapi tidak sampai melemahkan parti. Pertandingan Rafidah Aziz - Dr. Siti Zaharah Sulaiman pada 1977 adalah untuk yang terbaik. Pertandingan dan perbezaan pendapat yang berlaku ternyata tidak melemahkan perjalanan parti dan sayap kanan UMNO itu. Malah kerana tiada kekecohan dalam Wanita UMNO, parti UMNO kukuh sebagai sebuah parti.

Pada hari ini, kepimpinan Wanita UMNO menjadi begitu kukuh dan lebih progresif dengan kepimpinan bijak dan intelektual Rafidah Aziz dan Shahrizat Jalil. Mereka melambangkan kemampuan Wanita UMNO yang berkebolehan dan berkemampuan menjana kedudukan, pencapaian dan sumbangan Wanita UMNO dalam parti perdana negara ini.

Sokongan pemimpin wanita negeri yang juga cukup berkebolehan dan komited kepada perjuangan parti dan aspirasi orang Melayu dan negara, menjadi aset dan imej penting UMNO sebagai tonggak parti pemerintah dalam Barisan Nasional.